

05 SEP 2002

Mahathir-MSK/I

MESYUARAT PAKAR-PAKAT IT BERMULA DI CYBERJAYA

CYBERJAYA, 5 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat keenam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan membincangkan pelbagai perkembangan dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sebanyak 26 peserta terdiri daripada 14 anggota IAP dan 12 wakil menghadiri mesyuarat tiga hari itu di Cyberview Lodge di sini. Turut serta ialah seorang pemerhati.

Mereka membentuk satu kumpulan tokoh dan pakar-pakar antarabangsa dalam industri ICT yang berperanan sebagai pakar rujuk kepada kerajaan dalam membangunkan MSC.

Antara topik yang akan dibincangkan di sesi IAP-MSK hari ini ialah peranan syarikat-syarikat IT dalam menyokong ekonomi-ekonomi sedang muncul ke arah merapatkan jurang digital; jenayah siber dan keselamatan siber; memerangi kandungan Internet yang memudaratkan, keusahawanan pasca dot com dan sistem sumber terbuka.

MSK ialah kawasan seluas 750 km persegi bermula dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hinggalah ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dan ia berperanan sebagai pusat pembangunan produk-produk dan perkhidmatan multimedia.

14 anggota IAP yang menghadiri mesyuarat itu ialah pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Acer Group, Datuk Dr Stan Shih; pengarah urusan Cutler & Company, Dr Terry Cutler; pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Silicon Graphics Inc, Bob Bishop; William Miller seorang profesor daripada Universiti Stanford di Amerika Syarikat.

Penasihat kanan Forum Abad Siber, Duta Diana Lady Dougan; rakan kongsi kanan Sierra Ventures, Dr Gilbert Amelio; pengerusi lembaga pengarah Infosys Technologies Limited, N.R. Narayana Murthy; presiden Heritage Foundation Dr Edwin Feulner; pengerusi dan presiden Madge Networks Ltd, Robert Madge; pengerusi emeritus NEC Corporation, Datuk Dr Tadairo Sekimoto.

Mereka yang lain ialah ketua penyelidik dan pengarah pejabat sains di Sun Microsystems, Dr John Gage; naib presiden eksekutif Ericsson Group, Ragnar Back; naib presiden Siemen's dan anggota lembaga pengurusan, Anton Hendrik Schaaf; dan naib presiden eksekutif Oracle Corporation, Derek Williams.

Syarikat-syarikat yang menghantar wakil masing-masing ke mesyuarat itu ialah Microsoft, Motorola, Alcatel, Electronic data Systems (HK) Ltd, BT Exact Technologies, DHL Systems, Dell Corporation, Intel Corporation, Fujitsu Limited, NTT Communications, IBM Singapore Pte Ltd dan Bloomberg. Pemerhati itu ialah daripada The Heritage Foundation.

Mesyuarat tertutup itu didahului oleh satu sesi bergambar di laman Cyberview Lodge. Dr Mahathir bergambar bersama anggota-anggota IAP, wakil-wakil dan juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie dan Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Kini terdapat lebih kurang 745 syarikat dengan status MSC. Bilangan syarikat tempatan yang diberi status MSC ialah 495 dan MSC berjaya menarik penyertaan syarikat-syarikat bertaraf dunia.

Mesyuarat IAP-MSK edisi keenam diadakan sempena "Minggu ICT Malaysia 2002".

Projek MSC adalah wawasan jangka panjang Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan masyarakatnya kaya pengetahuan menjelang 2020.

Mesyuarat pertama MSC-IAP berlangsung di Palo Alto, California pada 1997 dan mesyuarat-mesyuarat seterusnya diadakan di sini.

-- BERNAMA

MAM AHH PR